



KENYATAAN MEDIA

Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Kompleks A, Jabatan Perdana Menteri
62502 Putrajaya



JAWATANKUASA TEKNIKAL PENGURUSAN DARURAT

Dalam memastikan pelaksanaan Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu 2021) berjalan dengan baik, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat bagi memantau isu-isu berkaitan pelaksanaan dan pengurusan darurat.

Sehingga hari ini, Jawatankuasa Teknikal telah bersidang sebanyak empat (4) kali. Antara fokus utama yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan telah dipersetujui oleh Sidang Darurat Majlis Keselamatan Negara adalah seperti berikut:

- a. Mobilisasi sumber Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri:
 - Penjajaran sementara kakitangan awam ke tempat yang memerlukan perkhidmatan tambahan terutama bagi perkhidmatan sokongan kesihatan dan keselamatan;
 - Penggunaan aset Kerajaan yang kurang optimum seperti kenderaan Jabatan boleh dikongsi untuk menyokong kelancaran operasi perkhidmatan kritikal agar lebih bersepadu dan terselaras;
 - Bangunan dan fasiliti Kerajaan yang bersesuaian akan dikenalpasti di seluruh Negara bagi tujuan pusat pengambilan *swab test*; dan
 - Jabatan Perkhidmatan Awam akan bertanggungjawab menyelaras perkara ini bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian/Jabatan/Agenси lain yang terlibat.

b. Integrasi keupayaan Perkhidmatan Hospital Sektor Awam dan Swasta dalam tempoh darurat bagi:

- Memastikan koordinasi yang sistematik agar jaminan akses kesihatan yang menyeluruh dan bersepada dapat dilaksanakan bagi pesakit COVID-19 serta bukan COVID-19;
- Mengoptimakan sumber kesihatan dan kepakaran yang ada untuk tujuan perawatan pesakit sewaktu pandemik COVID-19;
- Pengoperasian hospital awam termasuk Hospital Universiti, Hospital Angkatan Tentera dan Hospital Swasta akan diletakkan secara hibrid berdasarkan konsep Hospital Kluster di bawah Pusat Kawalan COVID-19 Bersepada;
- Mengoptimakan kapasiti makmal sedia ada terutamanya di Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Universiti Awam bagi tujuan pengujian serta pengesahan COVID -19 secara berskala besar;
- Mobilisasi lain-lain sumber perubatan seperti peralatan, PPE, ubat-ubatan adalah mengikut keperluan hospital terutamanya bagi perkhidmatan kesihatan umum termasuklah memobilisasi anggota perubatan seperti jururawat dari hospital swasta khususnya yang mempunyai kepakaran tertentu untuk bertugas sementara di hospital awam;
- Mekanisme pembiayaan pesakit COVID-19 oleh pihak insurans di hospital swasta sedang diperhalusi oleh Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan, Bank Negara Malaysia dan industri insurans. Buat masa ini, peranan sektor swasta diperkasakan bagi merawat pesakit COVID-19 yang mampu membiaya sendiri kos perubatan dan rawatan; dan
- Kementerian Kesihatan akan terus melaksanakan libat urus dengan pihak hospital swasta dan pihak berkepentingan lain dalam memastikan kelancaran pengurusan COVID-19 serta perkhidmatan kesihatan umum tidak terjejas.

c. Penggunaan Kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN), Kem Bina Negara dan fasiliti lain yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai fasiliti tahanan sementara serta Depoh Tahanan Sementara bagi kegunaan Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara sewaan bagi:

- Menjamin penjarakan fizikal banduan dan tahanan di penjara, depoh tahanan serta lokap seterusnya mengelakkan penularan COVID-19;
- Banduan dan tahanan yang akan ditempatkan di kem-kem ini adalah banduan dan tahanan dengan kesalahan ringan sahaja;
- Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan bekerjasama dengan agensi-agensi keselamatan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), PDRM dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) untuk ditempatkan sementara bagi menjamin keselamatan yang ketat; dan
- Senarai Kem PLKN dan Kem Bina Negara yang akan dijadikan fasiliti tahanan sementara dan Depoh Tahanan Sementara untuk kegunaan Jabatan Penjara Malaysia serta Jabatan Imigresen Malaysia adalah seperti berikut;
 - i. Kem PLKN Bukit Mertajam, Pulau Pinang
 - ii. Kem PLKN Kota Lama, Kuala Kangsar, Perak
 - iii. Kem PLKN A Famosa, Melaka
 - iv. Kem PLKN Kuala Kubu Bharu, Selangor
 - v. Kem PLKN Cancun, Pasir Mas, Kelantan
 - vi. Kem PLKN Kulim, Kedah
 - vii. Kem PLKN Chini, Pahang
 - viii. Kem PLKN Bagai Budi Resort, Sandakan, Sabah
 - ix. Kem PLKN Wawasan Ovui, Papar, Sabah
 - x. Kem PLKN Paya Indah, Kuala Langat, Selangor
 - xi. Kem PLKN Padang Kacong, Marang, Terengganu
 - xii. Kem PLKN Sri Ledang, Johor
 - xiii. Kem PLKN Eco Millenium, Beranang, Selangor
 - xiv. Kem PLKN Sri Impian, Sg Bakap, Pulau Pinang
 - xv. Kem PLKN Nilai Ehsan, Bidor, Perak
 - xvi. Kem Wawasan Negara, Langkawi, Kedah.
- PDRM pada masa ini sedang berunding dengan pemilik-pemilik fasiliti yang bersesuaian untuk dijadikan lokap sementara; dan

- Pengoptimuman penggunaan fasiliti sedia ada yang bersesuaian serta mengelakkan dari implikasi kewangan yang lebih besar bagi pembinaan fasiliti baharu.
- d. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) akan bertindak untuk mengumpul sebarang pandangan atau maklumbalas rakyat bagi memberi gambaran sebenar kepada Kerajaan mengenai situasi darurat semasa. KKMM juga akan bertindak secara strategik dengan mewujudkan saluran khas untuk memastikan segala maklumat berkaitan dengan pelaksanaan pengurusan darurat disampaikan kepada rakyat secara holistik dan tepat.

Jawatankuasa Teknikal akan terus meneliti dan memantau perkara-perkara yang berbangkit daripada Proklamasi Darurat agar dapat memberi pengesyoran yang terbaik kepada Sidang Khas Darurat MKN untuk dipertimbangkan.

Ingin saya tekankan bahawa Pentadbiran Perkhidmatan Awam dalam tempoh darurat ini tidak akan terjejas dan berfungsi seperti sedia ada bagi memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan Kerajaan dengan pematuhan kepada *standard operating procedure* (SOP) yang berkuatkuasa.

Saya juga ingin menegaskan kepada seluruh rakyat Malaysia untuk sentiasa memastikan segala maklumat dan informasi yang diterima dipastikan terlebih dahulu kesahihannya. Ini kerana penyebaran maklumat yang tidak sahih akan menjelaskan usaha kita dalam memerangi pandemik COVID-19.

Marilah kita terus berdoa agar pandemik COVID-19 yang sedang melanda Negara dapat diatasi sepenuhnya demi menjaga kemakmuran, kestabilan ekonomi dan ketenteraman awam Negara.

TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI

Ketua Setiausaha Negara

26 Januari 2021